

Contoh Ketiga:

حَدَّثَنَا ابْنُ حُمَيْدٍ، قَالَ: ثَنَا سَلَمَةُ، قَالَ: ثَنَا ابْنُ إِسْحَاقَ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي سَعِيدٍ الْخُرَاعِيِّ، عَنْ أَبِي الطُّفَيْلِ عَامِرِ بْنِ وَائِلَةَ قَالَ: سَمِعْتُ عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ عَلَيْهِ السَّلَامُ يَقُولُ لِرَجُلٍ مِنْ حَضْرَمَوْتِ: " هَلْ رَأَيْتَ كَثِيبًا أَحْمَرَ يُخَالِطُهُ مَنْرَةٌ حُمْرَاءُ ذَا أَرَكَ وَسِدْرٍ كَثِيرٍ بِنَاحِيَةِ كَذَا وَكَذَا مِنْ أَرْضِ حَضْرَمَوْتِ، هَلْ رَأَيْتَهُ؟ قَالَ: نَعَمْ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، وَاللَّهِ إِنَّكَ لَتَنْتَعُهُ نَعْتَ رَجُلٍ قَدْ رَأَاهُ. قَالَ: لَا، وَلَكِنِّي قَدْ خُبْتُ عَنْهُ. فَقَالَ الْحَضْرَمِيُّ: وَمَا شَأْنُهُ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ؟ قَالَ: «فِيهِ قَبْرُ هُوْدٍ صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْهِ».

Bermaksud: Abu at-Thufail 'Aamir bin Wātsilah meriwayatkan, katanya: Aku mendengar 'Ali bin Abi Thalib a.s. berkata kepada seorang laki-laki dari Hadhramaut: "Pernakah engkau melihat (kawasan) longgokan pasir merah yang bercampur dengan tanah selut merah dan banyak pula terdapat pohon arak dan bidara di (kawasan) pinggiran sekian-sekian bumi Hadhramaut? Pernahkah engkau melihatnya??" Jawab laki-laki itu, "Ya, wahai Amiral Mu'minin, sesungguhnya engkau menggambarkan tentangnya betul-betul seperti orang yang pernah melihatnya." Kata 'Ali, "Tidak, tetapi telah diceritakan kepadaku tentangnya." Laki-laki dari Hadhramaut itu pun berkata, "Kenapa, wahai Amiral Mu'minin". Kata 'Ali, "Di situ ada kubur (Nabi) Hud a.s."

Rujukan:

At-Thabari – Tafsir Jāmi' al-Bayān j.10 m/s 268, al-Haakim – al-Mustadrak 'Ala as-Shaḥīḥain j.2 m/s 615, al-Bukhari – at-Tārīkh al-Kabīr j.1 m/s 135, ats-Tsa'labi – al-Kasyfu Wa al-Bayān j.12 m/s 409, Ibnu Hisyam – at-Tijān Fi Mulūk Ḥimyar m/s 363, Ahmad bin Ḥasan al-Mu'allim – Al-Kasyf al-Mubīn 'An Ḥaqīqati al-Qubūriyyīn m/s 11, Sālim bin 'Abdillāh asy-Syāthiri – Nailul Maqshūd m/s 17-18, Abu Nashr Muhammad bin 'Abdillāh al-Imam – Ikḥbār al-Wufūd m/s 10.

Komentari:

(1) Hadits di atas dengan sanad yang dikemukakan bersamanya itu adalah berdasarkan riwayat at-Thabari. Dengan sanad yang sama juga di bahagian atasnya ia dikemukakan oleh al-Bukhari di dalam Tārīkh Kabīrnya dan al-Haakim di dalam Mustadraknya.

(2) Di dalam sanad at-Thabari itu ada beberapa nama perawi yang cukup bermasalah. Kerana mereka hadits itu tidak akan dihukum sahih oleh sesiapa pun. Kerana mereka, ia paling elok pun akan dianggap sebagai hadits yang dha'if sangat. Jika dilihat kepada beberapa faktor lain lagi, hadits seperti itu sebenarnya wajar disenaraikan sebagai hadits maudhu'.

(3) Atsar di atas sebenarnya berpunca daripada Ibnu Ishaq. Dialah madar (paksi) bagi riwayat itu. Lihatlah di mana-mana pun riwayat tersebut, pasti di dalam sanadnya ada Ibnu Ishaq. At-Thabari telah mengambil riwayat Ibnu Ishaq ini melalui Ibnu Humaid (Muhammad bin Humaid ar-Razi). Dia mengambilnya dari Salamah dan dia pula mengambilnya dari Muhammad bin Ishaq.

Siapakah mereka bertiga yang tersebut dalam sanad at-Thabari itu? Tidak sukar untuk mengenali mereka. Dengan merujuk kepada para "uama" Rijāl hadits, anda segera akan mengenali mereka:

(i) Muhammad bin Humaid ar-Razi adalah penduduk Ray. Dia selalu menukikan riwayat daripada Ya'qub al-Qummi (seorang penulis kitab-kitab Syi'ah) dan selainnya.

Ya'qub bin Syaibah berkata, "Dia selalu mengemukakan riwayat-riwayat yang sangat mungkar." Imam Bukhari berkata, "Kedudukannya dipertikaikan." Abu Zur'ah ar-Razi seorang 'alim yang senegeri dengannya berkata, "Dia seorang pendusta besar." Fadhlak ar-Razi juga seorang 'alim senegeri dengannya berkata, "Saya mempunyai 50,000

riwayat Muhammad bin Humaid ar-Razi tetapi satupun daripadanya tidak saya kemukakan kepada orang ramai.”

Pernah Ishaq al-Kausaj berkata, “Muhammad bin Humaid membaca di hadapan kami Kitab al-Maghazi karangan Ibnu Ishaq yang dinukilkannya dari Salamah bin al-Fadhl al-Abrasy. Kebetulan selepas itu saya mengunjungi `Ali bin Mihran. Saya ternampak beliau sedang membaca Kitab al-Maghazi karangan Ibnu Ishaq daripada riwayat Salamah. Saya bertanya beliau, “Adakah engkau mendengar Kitab al-Maghazi ini dari Muhammad bin Humaid?” Mendengar pertanyaan saya itu `Ali bin Mihran tercengang kehairanan, lantas dia menceritakan bahawa Muhammad bin Humaidlah yang mendengar kitab itu dari saya (`Ali). Ertinya dakwaan Muhammad bin Humaid bahawa dia telah mendengar Maghazi Ibnu Ishaq dari Salamah adalah dusta semata-mata. Dia tidak mendengar (menerima) kitab itu dari Salamah tetapi dari `Ali bin Mihran. `Ali bin Mihranlah yang mendengar atau menerima kitab ini dari Salamah.

Setelah mendapat tahu kedudukan sebenarnya, Ishaq al-Kausaj berkata, “Aku bersaksi bahawa Muhammad bin Humaid adalah pendusta besar.” Shāleḥ Jazarah berkata, “Kami menganggap Muhammad bin Humaid berdusta dalam semua perkara yang diceritakan kepada kami. Saya tidak pernah melihat orang yang lebih berani terhadap Allah daripada Muhammad bin Humaid. Dia mendengar riwayat-riwayat dari orang-orang tertentu kemudian menokok tambah riwayat-riwayat itu.”

Pernah Ibnu Kharasy mengemukakan riwayat Muhammad bin Humaid lantas dia berkata, “Demi Allah! Dia berbohong.” `Ulama’ hadits yang lain berkata bahawa dia selalu mengambil hadits-hadits orang-orang tertentu kemudian menisbalkannya kepada orang lain. Imam Nasa’i berkata, “Dia seorang yang lemah.” Shāleḥ Jazarah berkata, “Tidak pernah saya lihat dalam hidup saya orang yang lebih mahir berbohong dari dua orang iaitu pertama, Muhammad bin Humaid (ahli sejarah) dan kedua, Sulaiman asy-Syazkuni.” Ibnu Wārah juga telah menganggap Muhammad Bin Humaid sebagai pendusta.

Ibnu Humaid meninggal dunia pada tahun 248 Hijrah. (Lihat Mizanu al-I’tidal j.3 m/s 530, Al-Mizzi- Tahzibu al-Kamal j.6 m/s 286-287).

(ii) Siapa Salamah? Nama penuhnya ialah Salamah bin al-Fadhl. Dia terkenal dengan gelaran al-Abrasy. Pernah menjadi qadhi di Ray, kerana itulah dia dinisbahkan dengan

ar-Razi. Kuniahnya ialah Abu 'Abdillah. Dia terkenal sebagai sejarawan di zamannya selain dianggap sebagai salah seorang perawi penting Maghazi Ibnu Ishaq.

Ishaq bin Rahawaih berkata, "Dia seorang dha'if." Bukhari berkata, "Sesetengah haditsnya mungkar." Imam Nasa'i berkata, "Dia seorang dha'if." 'Ali Ibnu al-Madini menceritakan, "Setelah kami pulang dari Ray, riwayat-riwayat yang pernah kami dengar dari Salamah kami buang dengan anggapan ia adalah riwayat yang karut dan dusta."

Yahya bin Ma'in berkata, "Salamah al-Abrasy ar-Razi adalah seorang Syi'ah." Abu Hātim ar-Razi berkata, "Dia tidak boleh dijadikan hujjah." Abu Zur'ah ar-Razi berkata, "Penduduk Ray sama sekali tidak suka kepadanya, lantaran fahamannya yang salah.

Salamah meninggal dunia pada tahun 191 Hijrah. (Mizanul al-T'idal j.2 m/s 12, Al-Mizzi - Tahzibu al-Kamal j.3 m/s 252-253).

(iii) Siapa pula Ibnu Ishaq? Beliau ialah Muhammad bin Ishaq bin Yasar al-Makhrami, kuniahnya ialah Abu Bakar. Beliau meninggal pada tahun 151 Hijrah.

Pandangan "uama" dinukilkan berbeza-beza tentang Ibnu Ishaq ini. Bukan seorang dua "uama" mengatakan beliau tsiqah, shadūq, bagus dan lain-lain, manakala sekian ramai yang lain pula mengatakan beliau seorang yang lemah bahkan seorang pendusta besar. Di bawah ini adalah sebahagian daripada ta'dīl para "uama" Rijāl terhadapnya:

Ahmad bin Hambal berkata, "Dia (Muhammad bin Ishaq) seorang yang baik ceritanya." Yahya bin Ma'in berkata, "Dia seorang yang tsiqah (seorang yang boleh dipercayai) tetapi bukan hujjah (tidak boleh dipegang kata-katanya)." 'Ali bin al-Madini berkata, "Ceritanya di sisi saya adalah benar." Tetapi Nasa'i dan lain-lain pula berkata, "Dia tidak kuat." Daraqutni berkata, "Tidak boleh dijadikan hujjah."

Yahya bin Katsir dan lain-lain berkata, "Kami mendengar Syu'bah berkata, "Ibnu Ishaq adalah Amirul Mukminin dalam hadits." Syu'bah juga berkata, "Dia adalah seorang shaduq (satu lafaz ta'dīl yang rendah)." Muhammad bin Numair berkata, "Dia dituduh berfahaman Qadariah (tidak menerima konsep taqdir) padahal dia jauh sekali dari berfahaman begitu." Ibnu al-Madini berkata, "Saya tidak mendapati haditsnya yang tidak bagus selain dari dua hadits mungkar."

Di bawah ini pula adalah tajrīh sekian ramai ``uama`` Rijāl, termasuk orang-orang yang dinukilkan telah menta`dīlkannya:

Abu Daud berkata, "Dia seorang Qadari dan Muktaẓili (seorang yang berfahaman Qadiriyyah dan Muktaẓilah). Sulaiman at-Taimi berkata, "Dia seorang pendusta besar." Wuhaib berkata, "Saya mendengar Hisyam bin Urwah berkata, "Dia seorang pendusta besar." Wuhaib juga berkata, "Saya bertanya Malik tentang Ibnu Ishaq. Beliau menganggapnya seorang yang tidak bagus."

Abdul Rahman bin Mahdi berkata, "Yahya bin Sa'id dan Imam Malik mengatakan, "Ibnu Ishaq majruh (seorang yang tidak diterima baik)." Ibnu Idris berkata, "Pernah saya berada dalam majlis Imam Malik, tiba-tiba ada orang berkata kepadanya bahawa Ibnu Ishaq mengatakan, "Kemukakan kepadaku ilmu Malik kerana aku boleh menguji kebenaran dan kepalsuannya." Imam Malik lantas berkata, "Lihatlah kamu kepada salah seorang dajjal ini."

Yahya bin Sa'id al-Qatthan berkata, "Aku bersaksi bahawa Muhammad bin Ishaq adalah pendusta besar." Muhammad bin Ismail al-Bukhari (Imam Bukhari) berkata, "Muhammad bin Ishaq mempunyai beribu-ribu hadits yang tidak diriwayatkan oleh orang lain iaitu hadits-hadits yang beliau keseorangan dalam meriwayatkannya."

Demikianlah serba sedikit latar belakang Ibnu Ishaq yang tersebut di dalam Kitab Mizan al-I'tidal oleh adz-Dzahabi.

Berikut dikemukakan pula jarh para ``uama`` Rijāl terhadap Ibnu Ishaq dari sumber-sumber yang lain:

Imam Nasa'i berkata, "Dia seorang yang tidak kuat." (Kitab ad-Dhu'afa as-Shaghir, m/s 52). Abu Haatim berkata, "Dia seorang yang dha'if." (Kitab al-'Ilal, Jilid 1 m/s 423). Setelah Ibnu Numair berkata, "Apabila Muhammad bin Ishaq meriwayatkan sesuatu cerita dari perawi-perawi yang terkenal, ketika itu ceritanya bagus dan dia seorang shaduq." Beliau juga menegaskan dengan katanya, "Ibnu Ishaq selalu menukilkan riwayat-riwayat yang karut dari perawi-perawi yang majhul." (Tarikh Baghdad j.1 m/s 227).

Ibnu an-Nadim (m.385H) di dalam bukunya al-Fihrist menulis tentang Ibnu Ishaq, "Dia (Ibnu Ishaq) seorang yang tercela dan tidak disenangi fahamannya. Dia selalu mengambil riwayat dari orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara. Di dalam buku-bukunya dia menyebut orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara sebagai 'ahli ilmu terdahulu'. ``uama''-``uama'' hadits pula menganggapnya dha'if dan tertuduh." (Lihat al-Fihrist - Ibnu Nadim m/s 121).

Imam Nawawi menulis, "Muhammad bin Ishaq adalah antara perawi yang tidak menepati syarat-syarat hadits sahih." (Muqaddimah Muslim m/s 16). Imam adz-Dzahabi menulis, "Riwayat Ibnu Ishaq gugur dari darjah kesahihan dan tidak harus dijadikan hujjah untuk menentukan halal haram." (Tazkiratu al-Huffaz jilid 1 m/s 173).

Hafidz Ibnu Hajar pula menulis, "Riwayat-riwayat Ibnu Ishaq tidak boleh dijadikan hujjah untuk hukum-hakam terutama bila dia berseorangan dalam meriwayatkannya. Bila ada perawi tsiqah mengemukakan riwayat yang bertentangan dengan riwayatnya, pada ketika itu riwayat Ibnu Ishaq langsung tidak layak dihiraukan." (Lihat ad-Dirayah m/s 193). Ibnul Qayyim menulis, "Bahawa Imam Ahmad menyatakan riwayat Ibnu Ishaq mungkar dan dha'if." (Zaadu al-Ma'ad j.1 m/s 143).

Asy-Syaukani menulis bahawa, " Ibnu Ishaq bukanlah hujjah terutama bila dia melakukan "an'anah." (Nailu al-Authar j.1 m/s 234). Nawab Siddiq Hasan Khan ketika membincangkan salah satu hadits menyatakan bahawa, "Dalam sanadnya terdapat juga Muhammad bin Ishaq, dan Muhammad bin Ishaq bukanlah hujjah." (Dalilu at-Thalib m/s 239).

Syeikhul Hind Maulana Mahmudul Hasan (w.1339H) membincangkan tentang Ibnu Ishaq dengan panjang lebar dan beliau menjawab ta'wilan-ta'wilan yang lemah dan rapuh oleh golongan-golongan yang menganggap Ibnu Ishaq sebagai seorang yang tsiqah. (Lihat Idhahu al-Adillah m/s 45).

Ibnu al-Jauzi (w.597H) menulis di dalam kitabnya al-Maudhu'at bahawa, "Muhammad bin Ishaq adalah seorang yang majruh." Imam Malik, Hisyam bin Urwah, Yahya bin Sa'id al-Qatthan, Sulaiman at-Taimi, Wuhaib bin Khalid telah bersaksi tentang kedustaannya. `Ali Ibnu al-Madini pula berkata, "Dia meriwayatkan hadits-hadits karut daripada orang-orang yang majhul (yang tidak diketahui latar belakangnya)." (Lihat Nashbu ar-Rayah, J.2 m/s 250).

Khatib Baghdadi berkata, "Bukan seorang dua 'uama' tidak mahu berhujjah dengan riwayat-riwayat Ibnu Ishaq kerana beberapa sebab, antaranya:

1. Dia berfahaman Syi'ah.
2. Dia berfahaman Qadariyah.
3. Dia melakukan tadlis dalam riwayat hadits-haditsnya."

(Lihat Imam al-Mizzi-Tahzibul al-Kamal j.6 m/s 224).

Ketika membincangkan biografi Sufyan bin Husain, Imam Dzahabi menukilkkan kata-kata Abu Hâtim bahawa dia tidak boleh dijadikan hujjah sama seperti Muhammad bin Ishaq. (Mizan al-I'tidal J.2 m/s 168). Di dalam kitab al-'Uluw pula Imam Dzahabi mengatakan Ibnu Ishaq adalah "Shahîbul Manakîr Wal Gharâ'ib" (seorang yang meriwayatkan hadits-hadits mungkar dan cerita yang pelik-pelik).

Di bawah biografi Laits bin Abi Sulaim, Imam Mizzi, Dzahabi dan Hafidz Ibnu Hajar di dalam kitab mereka masing-masing menukilkkan kata-kata 'Abdullah anak Imam Ahmad bahawa dia mendengar ayahnya (Imam Ahmad) berkata, "Tak pernah ku lihat Yahya bin Sa'id al-Qatthan (Imam Jarh dan Ta'dil) berpandangan buruk terhadap sesiapa seburuk pandangannya terhadap Laits, Muhammad bin Ishaq dan Hammam. Tiada siapa pun mampu memujuk beliau untuk menerima mereka." (Lihat al-Mizzi, Tahzibu al-Kamal J.6 m/s 190, az-Dzahabi- Mizanu al-I'tidal J.3 m/s 421, Hafidz Ibnu Hajar al-'Asqalani - Tahzibu at-Tahzib J.8 m/s 417). Untuk melihat keterangan lebih terperinci tentang Ibnu Ishaq sila lihat buku penulis berjudul "Ibnu Ishaq: Peranannya Dalam Penyebaran Fahaman Syi'ah Di Kalangan Ummah".

(iv) Siapa pula Muhammad bin 'Abdillah bin Abi Sa'id al-Khuzâ'i? Dia adalah seorang perawi majhul. Hanya Muhammad bin Ishaq sahaja meriwayatkan daripadanya. Demikian kata Abu Hâtim berdasarkan nukilan daripada anaknya Ibnu Abi Hâtim di dalam al-Jarh Wa at-Ta'dil j.7 m/s 297. Riwayat orang seperti ini tidak layak diterima walaupun sebagai syawahid.

(4) Di dalam kebanyakan kitab, seperti Tafsir at-Thabari, Mustadrak Haakim dan lain-lain, atsar itu telah diriwayatkan oleh Ibnu Ishaq secara 'an'anah. Sedangkan dia terkenal sebagai perawi mudallis. Riwayat seorang perawi mudallis secara 'an'anah dihukum dha'if oleh para muhadditsîn. Hanya di dalam at-Tārīkh al-Kabīr Bukhari sahaja riwayat itu telah dinukilkan dengan shighah taḥdīts daripada Ibnu Ishaq. Tetapi

ia tetap merupakan tafarrudāt Ibnu Ishaq. Tiada orang lain meriwayatkannya kecuali dia seorang sahaja. Menurut para 'uama' hadits tafarrudāt Ibnu Ishaq juga dha'if.

Bagi orang-orang yang menganggap Ibnu Ishaq sebagai pendusta besar, bahkan telah menyebutnya sebagai dajjal, riwayat Ibnu Ishaq dengan shighah taḥdīts juga tidak memberi apa-apa nilai, ia bagi mereka tetap juga maudhu'.

(5) Jika dilihat kepada teks (matan) riwayat pula, apabila dikatakan oleh laki-laki dari Hadhramaut itu, "Wahai Amiral Mu'minin, sesungguhnya engkau menggambarkan tentangnya betul-betul seperti orang yang pernah melihatnya." Bukankah 'Ali berkata, "Tidak, tetapi telah diceritakan kepadaku tentangnya." Tidak pula beliau menyebut nama orang yang menceritakan kepadanya! Tidak jelas di situ Nabi s.a.w. yang menceritakan kepadanya. Mungkin sekali ada orang yang datang dari sana menceritakan kepada beliau begitu.

(6) Jika atsar itu sahih sekalipun di sudut sanadnya (andaian sahaja), gambaran yang diberikan dalam atsar itu tidak tepat sama sekali dengan kedudukan dan suasana kubur yang dimasyhurkan sebagai kubur Nabi Hud a.s. hari ini.

(7) Atsar 'Ali yang dikemukakan sebagai contoh ketiga di atas adalah yang terbaik di sudut sanad dan di sudut ia terdapat di dalam kitab-kitab yang agak popular di kalangan umat Islam. Tetapi terdapat beberapa bukti di dalam matan dan sanadnya yang menunjukkan riwayat itu sebenarnya berpunca daripada Syi'ah. Antaranya ialah:

(i) Kata-kata Abu at-Thufail 'Aamir bin Wāsilah ketika meriwayatkannya, "Aku mendengar 'Ali bin Abi Thalib a.s." Ucapan (عليه السلام) atau ringkasnya a.s. itu hanya digunakan oleh orang-orang Syi'ah setelah menyebut atau disebut nama Saiyyidina 'Ali sebagai doa kebaikan untuknya. Orang-orang Sunni tidak menggunakan ucapan itu, sebaliknya mereka mengucapkan رضى الله عنه seperti setelah disebutkan nama-nama sahabat yang lain. Paling tinggi pun mereka mengucapkan كرم الله وجهه selepas menyebut nama Saiyyidina 'Ali r.a. Walaupun pada beberapa tempat perawi memanggil Saiyyidina 'Ali dengan panggilan Amiral mu'minin untuk mengelirukan orang-orang Sunni.

(ii) Ia mempopularkan ziarah kubur sebagai suatu ritual dalam ajaran mereka. Ia juga menjustifikasikan amalan-amalan ziarah kubur dengan kaifiat-kaifiat terma'lum di

kalangan Quburiyyun (penyembah-penyembah kubur), apabila di kawasan kubur Nabi Hud a.s. juga telah sekian lama dilaksanakan ritual-ritual seperti itu.

(iii) Ketiga-tiga orang perawi utama di dalam sanad atsar 'Ali itu memang diketahui para "uama" Rijāl sebagai Syi'ah. Muhammad bin Humaid ar-Rāzi, Salamah bin al-Fadhal al-Abrasy dan Muhammad bin Ishaq. Bukti mereka Syi'ah jelas dapat dilihat pada riwayat-riwayat mereka.

(8) Terdapat satu lagi riwayat tentang kubur Nabi Hud a.s. di Hadhramaut Yaman, lebih kurang seperti riwayat yang dikemukakan sebagai contoh ketiga di atas. Oleh kerana tersebut di dalamnya dengan jelas bahawa yang menceritakan itu adalah kubur Nabi Hud a.s. kepada 'Ali ialah Nabi s.a.w. sendiri, maka elok juga kalau riwayat berkenaan dikemukakan di sini. Disebabkan ia agak panjang, penulis merasakan bahagian yang agak berkaitan sahaja perlu dibentangkan di hadapan para pembaca sekalian. Ia dikemukakan oleh Ibnu 'Asākir di dalam Tarikh Dimasyqnya dan Yaqūt al-Ĥamawī di dalam kitabnya yang terkenal Mu'jam al-Buldān. Setelah mentarjihkan Aĥqāf terletak di bumi Yaman Yāqūt berkata:

ويشهد بصحة ذلك ما رواه أبو المنذر هشام بن محمد عن أبي يحيى السجستاني عن مرة بن عمر الأيلي عن الأصبغ بن نباتة قال: إنا لجلوس عند علي بن أبي طالب ذات يوم في خلافة أبي بكر بن الصديق - رضي الله عنه - فنذكر قصة طويلة - حتى قال: ثم أن علياً سأله ذات يوم ونحن مجتمعون للحديث: أعلام أنت بحضرموت؟ قال: إذا جهلتها لم أعرف غيرها، قال له علي - رضي الله عنه - أتعرف الأحقاف؟ قال الرجل: كأنك تسأل عن قبر هود - عليه السلام - قال علي - رضي الله عنه - : لله درك ما أخطأت! قال: نعم ، خرجت وأنا في عنفوان شببيتي في أغيلمة من الحي ، ونحن نريد أن نأتي قبره لبعده صيته فينا ، وكثرة ذكره منا ، فسرنا في بلاد الأحقاف أياماً ومعنا رجل قد عرف الموضع فانتبهينا إلى كتيب أحمر ، فيه كهوف كثيرة ، فمضى بنا الرجل إلى كهف منها فدخلناه ، فأمعنا فيه طويلاً ، فانتبهينا إلى حجرين قد أطبق أحدهما دون الآخر ، وفيه خلل يدخل منه الرجل النحيف متجانفاً ، فدخلته فرأيت رجلاً على سرير شديد الأدمة ، طويل الوجه ، كث اللحية ، وقد ببس على سريره فإذا مسست شيئاً من بدنه أصبته صلباً لم يتغير ، ورأيت عند رأسه كتاباً بالعربية : أنا هود النبي الذي أسفت على عاد بكفرها ، وما كان لأمر الله من مرد ، فقال لنا علي بن أبي طالب - رضي الله عنه - : كذلك سمعته من أبي القاسم صلى الله عليه وسلم.

Bermaksud: Kebenarannya disokong oleh apa yang diriwayatkan Abu al-Mundzir Hisyam bin Muhammad daripada Abi Yahya as-Sijistāni daripada Murrah bin 'Umar al-Aili daripada al-Ashbagh bin Nubātah, katanya: "Ketika kami sedang duduk-duduk di samping 'Ali bin Abi Thālib di zaman pemerintahan Abu Bakar as-Shiddīq r.a. Lalu

dia bercerita panjang, sehingga akhirnya dia berkata: “Pada suatu hari ‘Ali bertanya dia ketika kami berkumpul dan berbual-bual, “Engkau tahukah tentang Hadhramaut?” Dia menjawab, “Kalau saya tidak tahu tentangnya, tidak tahulah saya tentang tempat-tempat lain.” ‘Ali r.a. terus bertanya kepadanya, “Engkau tahukah Aḥqāf?” Jawab orang itu, “Semacam Tuan mahu bertanya tentang kubur (Nabi) Hud a.s. saja.” Kata ‘Ali, “Wah, hebat betul engkau! Tidak salah tekaanmu itu.” Dia meneruskan ceritanya dengan berkata, “Ya, aku keluar bersama beberapa orang anak muda kampungku semasa kami muda belia untuk pergi ke kuburnya, kerana ia telah masyhur dan kecor di kalangan kami. Kami mengembara di negeri Aḥqāf selama beberapa hari. Bersama kami ada seorang laki-laki yang mengetahui tempatnya. Akhirnya kami sampai ke kawasan yang berlonggokan pasir merah. Di situ ada banyak gua. Laki-laki itu membawa kami ke salah satu gua daripada sekian banyak gua itu, lalu kami masuk ke dalamnya. Lamalah kami memerhatikan apa yang ada di dalamnya. Akhirnya kami sampai kepada dua buah batu besar yang terkatup. Cuma ada satu sahaja lubang kecil yang hanya dapat dimasuki seorang yang kurus dengan memiringkan tubuh. Setelah masuk ke dalamnya aku nampak seorang laki-laki di atas sebuah katil, hitam manis warna kulitnya, berwajah panjang, lebat janggutnya. Ia telah kekeringan di atas katilnya. Bila aku menyentuh sedikit tubuhnya, aku dapati ia masih keras tidak berubah. Dekat kepalanya tertulis satu suratan dalam bahasa ‘Arab begini adanya: “Aku Hud, Nabi yang telah murka terhadap kaum ‘Aad kerana kekufurannya. Taqdir Allah tidak dapat dielak oleh sesiapa pun.” Setelah mendengar ceritaku itu ‘Ali bin Abi Thalib r.a. pun berkata, “Demikianlah aku telah mendengarnya daripada Abi al-Qāsim s.a.w.” (Lihat Yaqūt al-Ḥamawī - Muʿjam al-Buldān j.1 m/s 115-116, Ibnu ‘Asākir - Tārīkh Dimasyq j.36 m/s 138-139).

Hadits ini karut dan palsu semata-mata, baik dinilai di sudut sanadnya mahupun matannya. Perawi pertama dan yang paling penting dalam sanad itu ialah Abu al-Mundzir Hisyam bin Muhammad bin as-Sā’ib al-Kalbi. Siapa Hisyam pada pandangan ‘uama’ Rijāl hadits?

Imam Ahmad berkata tentangnya, “Dia hanya tukang cerita dan ahli Nasab. Aku fikir tidak ada sesiapa pun mahu meriwayatkan (hadits) daripadanya.” Ad-Daraquthni dan lain-lain berkata, “Dia perawi matrūk.” Ibnu ‘Asākir berkata tentangnya, “Dia seorang Rafidhi (Syi’ah Rafidhah), tidak tsiqah.” Dan al-Balādzuri pula di dalam Tārīkhnya

berkata tentang Hisyam begini, "Hisyam seorang yang tidak dipercayai." Hisyam meninggal dunia pada tahun 204 Hijrah. (Lihat *Mīzān al-ʿItidāl* j.4 m/s 305).

Di dalam sanadnya juga ada seorang lagi perawi Syi'ah kerak. Dia ialah Ashbagh bin Nubātah al-Ḥanzhali al-Mujāsyi'i al-Kufi. An-Nasaa'i dan Ibnu Hibbaan mengatakan dia matrūk. Al-'Uqaili berkata, "Dia mempercayai (ber'aqidah) raj'ah." Abu Bakar bin 'Ayyāsy bahkan berkata, "Dia pendusta besar." Hafizh Ibnu Hajar berkata, "Dia perawi matrūk yang dikatakan berfahaman Rafdh (Rafidhah)."

Hisyam mengambil riwayat itu daripada Abi Yahya as-Sijistāni, dia pula mengambilnya daripada Murrah bin 'Umar al-Aili yang meriwayatkan cerita itu daripada Ashbagh bin Nubātah. Masalahnya kedua-dua perawi itu majhūl. Tidak dapat dikesan dua orang ini di dalam kitab-kitab Rijāl hadits. Jadi bagaimana riwayat yang dikemukakan oleh dua orang Syi'ah kerak yang dikatakan juga sebagai pendusta besar dan dua orang perawi majhul akan diterima sebagai riwayat yang sahih? Tentu sekali tidak boleh. Riwayat seperti ini bahkan selayaknya dihukum sebagai riwayat yang maudhu'.

Dilihat kepada matannya pula, tersebut di dalamnya bahawa tertulis dekat kepala (kononnya) Nabi Hud satu suratan dalam bahasa 'Arab. Soalnya adakah di zaman Nabi Hud bahasa 'Arab sudah mempunyai tulisan seperti di zaman Nabi s.a.w.? Siapa pula yang menulisnya? Adakah Nabi Hud sendiri atau orang lain yang diwasiat oleh Nabi Hud supaya menulisnya setelah dia mati??

Riwayat tersebut juga menggambarkan kubur itu berada di salah satu lembah atau wadi Hadhramaut Yaman, sedangkan kubur yang dida'wa sebagai kubur Nabi Hud hari ini pula terletak di atas bukit, dan di sana tidak ada pun gua-gua atau deretan longgokan pasir merah seperti tersebut di dalam riwayat itu!

Semua itu hanyalah dongengan Isra'iliyyāt semata-mata, atau ia cerita hasil rekaan pendusta besar seperti Hisyam al-Kalbi dan Ashbagh bin Nubātah sahaja.

(9) Adalah jelas bahawa tidak tersebut di dalam mana-mana dalil yang sah dalam Islam tentang di mana letaknya kubur Nabi Hud a.s. Sepatah pun tidak tersebut baik di dalam al-Qur'an mahupun hadits tentangnya. Atsar sahih yang dinukilkan daripada para

sahabat juga tidak diketahui ada menyebutkan tentang kubur Nabi Hud a.s. atau di mana tempatnya.

(10) Al-Qur'an dan as-Sunnah banyak sekali menyebut kisah para nabi dan rasul sama ada secara ringkas atau secara terperinci, supaya diambil pelajaran dan pengajaran daripadanya. Namun tidak tersebut pula di dalam kedua-duanya tempat di mana para nabi dan rasul itu dikebumikan, kecuali Nabi kita Muhammad s.a.w. Hikmahnya ialah kerana tidak ada apa-apa keperluan pun pada menyebutnya, malah menyebutnya boleh menjadi sebab kepada pemujaan terhadap mereka oleh orang-orang yang jahil.

(11) Oleh kerana tidak ada dalil yang terang tentang tanah kubur Nabi Hud dan lain-lain nabi-lah para mufassirin dan ahli sejarah berbeza pendapat tentangnya. Di antara mereka ada yang berpendapat kubur Nabi Hud di Mekah, ada juga yang berpendapat di Syam, dan ada juga yang berpendapat di Yaman dan lain-lain lagi. Perincian perbezaan pendapat mereka itu adalah seperti berikut:

(i) Di Dimasyq Syam, sebelah qiblat Masjid Jāmi' al-Umawi. Hafiz Ibnu Katsir menyebut beberapa tempat sebagai kubur Nabi Hud yang diperselisihkan di kalangan ahli sejarah. Antara yang disebut beliau ialah da'waan sesetengah orang bahawa ia terletak di sebelah qiblat Masjid Jāmi' Dimasyq. (Lihat al-Bidāyah Wa an-Nihāyah j.1 m/s 130).

(ii) Ada yang menyebut kuburnya di Palestin. 'Abdul Wahhāb an-Najjār menyebut, orang-orang Palestin menda'wa kubur Nabi Hud di Palestin. Mereka bahkan telah membina kuburnya dan mereka setiap tahun mengadakan maulidnya. (Lihat 'Abdul Wahhāb an-Najjār - Qisasul Ambiyā' m/s 74).

(iii) Abul Baqā' Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin ad-Dhiyā' al-Makki (m.854H) di dalam Kitabnya yang bernama البحر العميق menukulkan satu riwayat daripada Muhammad bin Sābith bahawa beliau berkata, "Hud, Nuḥ, Shāleḥ, dan Syu'aib meninggal dunia di Mekah. Kubur mereka terletak di antara telaga Zamzam dan Ḥijir. Seseorang nabi itu bila binasa umatnya akan pergi ke Mekah. Dia beribadat di sana sehingga meninggal dunia." (Lihat al-Baḥr al-'Amīq m/s 167).

(iv) Ada yang berpendapat kubur Nabi Hud di Iraq di Wadi as-Salam dekat kubur Saiyyidina 'Ali bin Abi Thalib. Muhammad as-Syahid menulis di dalam bukunya دليل

الزائر إلى العتبات المقدسة في العراق pada muka surat 7, bahawa kubur Nabi Hud dan Shāleḥ berada dekat kubur Saiyyidina `Ali. Dia siap memberi panduan bagaimana cara menziarahi kubur mereka.

(v) Kuburnya di Yaman, tetapi tanpa ketentuan tempatnya. Inilah pendapat kebanyakan ahli sejarah, memandangkan tempat tinggal kaum `Aad ialah Aḥqāf, dan Aḥqāf itu dikatakan di Yaman. Riwayat-riwayat tentang di mana kuburnya secara tepat pula tidak ada satu pun yang sahih.

Demikianlah lima tempat di mana dida`wa sebagai kubur Nabi Hud a.s. Tidak ada satu pun daripadanya disokong oleh dalil yang boleh dipercayai.

(12) Oleh kerana tidak ada dalil yang terang dan pasti daripada al-Qur'an dan hadits, maka banyaklah pula muncul da`waan-da`waan kasyaf dan mimpi oleh orang-orang tertentu, kononnya kubur Nabi Hud terletak di Hadhramaut Yaman pada tempat yang telah dibina hari ini sebagai kubur Nabi Hud, padahal ia hanyalah berdasarkan da`waan kasyaf atau mimpi yang sama sekali bukan merupakan hujjah dalam agama Islam.

(13) Tempat itu hari ini telah menjadi tumpuan di mana segala macam bid`ah, khurafat bahkan kesyirikan dilakukan secara berleluasa. Paling malang ialah ia dihidupkan oleh orang-orang yang menda`wa sebagai anak cucu Rasulullah s.a.w. iaitu segolongan Ḥabaib di Yaman.

(14) Antara bid`ah, ma`shiat, khurafat dan kesyirikan yang telah berkembang subur dengan sebab kubur yang dida`wa sebagai kubur Nabi Hud itu ialah:

(i) Adanya propaganda-propaganda dan kempen-kempen secara besar-besaran supaya orang ramai berziarah ke kubur itu. Mereka bahkan menganggap wajib berziarah ke kubur itu.

(ii) Mereka menda`wa Iskandar Dzul Qarnain dan Nabi Sulaiman juga pernah berziarah ke kubur yang dida`wa mereka sebagai kubur Nabi Hud itu.

(iii) Membuat persiapan walaupun terpaksa bersusah payah untuk pergi ke kubur itu dengan tujuan bertawassul dan beristighatsah (meminta pertolongan) di sana.